

19 APR 1997

Sultan-Keputeraan

SULTAN AZLAN CADANG LAKSANA PROGRAM LITERASI KOMPUTER BERSEPADU

KUALA KANGSAR, 19 April (Bernama) -- Sultan Perak Sultan Azlan Shah mencadangkan supaya program 'Literasi Komputer Bersepadu' dapat dilaksanakan oleh kerajaan negeri sebagai langkah awal pelaksanaan projek 'Koridor Raya Multimedia' yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Program berkenaan bertujuan memberi kesedaran kepada seluruh rakyat mengenai pentingnya peranan komputer dan teknologi maklumat pada masa akan datang, titah baginda pada istiadat penganugerahan darjah Kebesaran Negeri sempena ulangtahun keputeraannya yang Ke-69 di Istana Iskandariah di sini, hari ini.

Baginda menyatakan rasa gembiranya terhadap kerajaan negeri yang telah mengambil langkah menyokong projek itu dan berharap dapat dilaksanakan di sekolah serta jabatan kerajaan dan oleh pemimpin masyarakat.

Sultan Azlan juga menyarankan kerajaan negeri lebih bersikap memilih dan mementingkan pelaburan yang berkualiti dan berteraskan teknologi tinggi memandangkan pasaran buruh yang terhad.

Pembangunan yang pesat juga perlu mengekalkan keindahan alam semula bagi memelihara keseimbangan alam sekitar, titahnya.

Baginda juga merasa yakin dengan wawasan menjadikan Perak sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di negara ini berikutan persetujuan kerajaan pusat menempatkan tiga buah universiti di negeri ini dan rakyat pula perlu merebut peluang berkenaan.

Titah baginda, program pengajian berkembar dan jarak jauh perlu dipergiat dan diperluaskan lagi bidangnya terutama dalam sains dan teknologi, telekomunikasi, teknologi maklumat, teknikal dan kejuruteraan.

Walaupun berpuashati dengan pencapaian akedemik sekolah-sekolah di negeri ini, namun baginda berharap masih banyak ruang yang boleh diperbaiki bagi mencapai matlamat wawasan pendidikan negeri.

Perhatian yang lebih khusus terhadap pelajar Bumiputera terutama di luar bandar adalah perlu bagi meningkatkan pencapaian bidang sains, matematik, Bahasa Inggeris dan budaya niaga dengan memupuk minat di kalangan pelajar berkenaan, titahnya.

Sultan Azlan juga menyeru umat Islam terus mengamalkan ajaran dan cara hidup yang berlandaskan agama seperti yang termaktub dalam Al-Quran dan Hadis.

Baginda berharap umat Islam terus berusaha meningkatkan taraf ekonomi dan berwaspada serta bersedia menghadapi cabaran dunia masa kini dengan muncul sebagai umat yang unggul dan berjaya.

Peranan masjid perlu ditingkatkan dengan merangkumi segala bentuk kegiatan kehidupan selain sebagai tempat ibadah, titahnya.

Baginda juga berharap kejayaan kerajaan negeri mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan rakyat termiskin perlu disambut golongan berkenaan dengan berusaha memajukan keluarga masing-masing dengan berdikari dan berkeyakinan.

Pada istiadat itu, Sultan Azlan berkenan menganugerahkan Darjah Kebesaran Seri Panglima Taming Sari yang membawa gelaran Datuk Seri kepada Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Datuk Ahmad Saruji Che Rose yang merupakan penerima tunggal anugerah itu.

Empat orang lagi menerima darjah Kebesaran Sri Paduka Mahkota Perak yang juga membawa gelaran Datuk Seri, Darjah Datuk Pahlawan Taming Sari yang membawa gelaran Datuk (enam orang) dan Darjah Kebesaran Datuk Paduka

mahkota Perak yang juga membawa gelaran yang sama (26 orang). -- BERNAMA
RZS PR